

**GARIS PANDUAN  
PENETAPAN STANDARD MINIMUM PENGINAPAN PEKERJA ASING  
2018**

**1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kaedah pelaksanaan dasar Kerajaan mewajibkan majikan menyediakan penginapan mengikut standard minimum kepada pekerja asing yang digajikan.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-14 Bil. 2/2015 pada 18 Ogos 2015 telah memutuskan bahawa setiap majikan yang menggajikan pekerja asing adalah wajib menyediakan kemudahan penginapan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Manakala keputusan JKKPA-PATI pada 12 Mei 2016, mencadangkan supaya mewujudkan penginapan berpusat pekerja asing yang dikendalikan oleh syarikat penyedia swasta sebagai pilihan kepada majikan untuk menempatkan pekerja-pekerja asing mereka.

## **2. OBJEKTIF**

- (i) Memberi panduan kepada majikan berhubung peruntukan standard-standard minimum penginapan untuk pekerja asing;
- (ii) Memperjelas tanggungjawab majikan berhubung kebajikan dan keselamatan pekerja asing;
- (iii) Mengekalkan ketenteraman dan keharmonian sosial di kalangan pekerja dan masyarakat setempat; dan
- (iv) Mendedahkan kepada majikan berkenaan standard antarabangsa berhubung pengurusan penginapan pekerja asing.

## **3. PEMAKAIAN**

- (i) Garis panduan ini terpakai kepada semua majikan yang menggajikan pekerja asing dan penyedia penginapan berpusat, bagi semua sektor di Malaysia kecuali kepada majikan yang menggajikan pekhidmat domestik asing;
- (ii) Garis panduan ini tidak terpakai kepada tempat-tempat pekerjaan yang diliputi di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446);

#### 4. TAFSIRAN

"**bangunan kediaman**" ertinya sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang direkabentuk, dipadan atau digunakan untuk kediaman manusia;

"**bangunan sementara**" termasuklah sesuatu bangunan yang dibina keseluruhan atau sebahagiannya daripada bahan-bahan yang, jika tidak dijaga secara istimewa, mungkin cepat rosak, atau selainnya tidak sesuai untuk digunakan bagi pembinaan bangunan kekal, dan boleh meliputi sesuatu rumah atau bangunan yang pembinaannya dibenarkan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi suatu tempoh terhad yang akan ditetapkan dan apabila tamat tempoh itu bangunan tersebut hendaklah dirobohkan;

"**pekerja asing**" ertinya pekerja bukan warganegara dan tidak termasuk penduduk tetap.

"**penyedia penginapan berpusat**" ertinya mana-mana orang tetapi tidak termasuk majikan yang menyediakan, mengurus dan menyelia perkhidmatan penginapan berpusat kepada satu atau lebih majikan.

"**penginapan**" ertinya apa-apa bangunan yang disediakan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk kediaman pekerja dan bangunan itu telah mendapat kelulusan sama ada kelulusan itu untuk bangunan kekal atau bangunan sementara daripada pihak berkuasa berkaitan.

**“penginapan berpusat”** ertinya mana-mana premis kediaman yang disediakan oleh penyedia penginapan berpusat sebagai tempat tinggal untuk pekerja yang diperakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

**“penginapan sementara”** ertinya penginapan yang disediakan kepada pekerja-pekerja asing yang terlibat dalam projek tertentu yang bertempoh terhad.

## **5. JENIS-JENIS KEDIAMAN YANG DIBENARKAN**

- (i) *Apartment / Flat / Kondominium*;
- (ii) Rumah teres / berkembar / banglo;
- (iii) *Town house*;
- (iv) Rumah kedai;
- (v) Rumah kampung;
- (vi) Lain-lain bangunan bukan kediaman yang akan diubahsuai bagi kegunaan penginapan hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan

## **6. SYARAT-SYARAT KEGUNAAN PENGINAPAN PEKERJA**

### **(i) Syarat-Syarat Penginapan Pekerja**

Mana-mana bangunan kediaman baru atau bangunan sedia ada yang digunakan untuk penginapan pekerja asing, hendaklah mematuhi syarat-syarat utama seperti berikut:

- (a) Mempunyai Perakuan Siap dan Pematuhan ( *Certificate of Completion and Compliance* - CCC) atau Perakuan Kelayakan Menduduki ( *Certificate of Fitness for Occupation* – CFO)
- (b) Memperoleh kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (bagi bangunan sementara);
- (c) Memperoleh kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menukarguna kegunaan bangunan daripada bangunan bukan kediaman kepada bangunan untuk tujuan kediaman.

(ii) **Syarat-syarat Kegunaan Penginapan Pekerja**

- (a) Semua kemudahan dan ruang dalam bangunan kediaman hendaklah digunakan bagi tujuan penginapan sahaja.
- (b) Ruang kediaman seperti dapur, bilik mandi, tandas, dan ruang guna sama, yang sedia ada hendaklah kekal digunakan seperti tujuan asal dan tidak boleh diubah suai.

## **7. STANDARD MINIMUM PENGINAPAN PEKERJA**

Setiap penginapan pekerja hendaklah mematuhi syarat-syarat minimum yang telah ditetapkan seperti berikut :

Bil.	Syarat-syarat minimum	Jenis Bangunan	
		Penginapan disediakan oleh majikan	Penginapan Berpusat
1.	Keluasan ruang bertutup bagi seorang pekerja: 4.5 meter persegi; atau keluasan ruang tidur atau ruang rehat tidak kurang daripada 3 meter persegi.	√	√
2.	Setiap unit penginapan pekerja hendaklah disediakan dengan kemudahan sanitari iaitu sekurang-kurangnya:  (a) satu tandas dan satu bilik mandi untuk setiap lima belas orang pekerja; atau  (b) satu tandas dan satu bilik mandi berasingan beserta urinal untuk setiap dua puluh lima orang pekerja	√	√
3.	Menyediakan kompor gas, bekalan air bersih dan bekalan elektrik	√	√

4.	<p>Kemudahan asas minimum untuk setiap pekerja yang tidak boleh dikongsi:</p> <p>a) katil yang mempunyai ukuran tidak kurang daripada 1.7 meter persegi. Jika katil bertingkat disediakan ruang antara dua katil itu hendaklah tidak kurang daripada 0.7 meter,</p> <p>b) tilam dan bantal; dan</p> <p>c) Almari pakaian berkunci berukuran tidak kurang 0.35 meter panjang, 0.35 meter lebar dan 0.9 meter tinggi.;</p>	√	√
5.	Lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	-	√

## 8. KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN

Majikan hendaklah memastikan:

- a) suatu unit bangunan kediaman tidak boleh dikongsi oleh pekerja asing yang berlainan jantina;

- b) pengalihudaraan dan cahaya semulajadi yang mematuhi Undang-Undang Kecil 39, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- c) tandas, bilik mandi dan dapur dijaga dalam keadaan bersih dan boleh digunakan;
- d) persekitaran halaman dan bangunan sentiasa dalam keadaan selamat dan bersih;
- e) penyediaan kemudahan tempat membuang sampah;
- f) pendawaian elektrik dibuat tanpa kelulusan pihak berkuasa tidak dibenarkan sama sekali; dan
- g) penyediaan peti kecemasan (*first aid kit*) dan alat pemadam api yang mencukupi.

## **9. KOMITMEN MAJIKAN MENYEDIAKAN PENGINAPAN KEPADA PEKERJA ASING**

Mana-mana majikan yang memohon pekerja asing hendaklah membuat Surat Komitmen berkaitan penyediaan penginapan pekerja asing yang ditandatangani oleh pengarah syarikat, pemilik atau rakan kongsi di hadapan pegawai tenaga kerja.

## **10. TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN**

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 15 Januari 2018.



## **11. PEMBATALAN**

Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016 dengan ini dibatalkan.

Disediakan oleh:

Kementerian Sumber Manusia

Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Jabatan Kerajaan Tempatan